

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 15.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 25

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah jumlah bilangan kampung untuk dimajukan di bawah Program Desa Lestari pada tahun akan datang dengan mengambil kira pertambahan dan peruntukan untuk menjayakan program ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan Program Desa Abad (PDL) telah bermula sejak tahun 2013 dan sehingga tahun 2015, KKLW telah memajukan sebanyak 57 buah kampung seluruh Malaysia dengan projek-projek ekonomi berdaya maju. Kampung-kampung terpilih disyarat menubuhkan Koperasi yang bertindak selaku entiti pelaksana projek.

Pelbagai projek ekonomi telah dilaksanakan antaranya projek pelancongan desa(pembinaan kabin chalet), jentera perladangan, projek tanaman cili fertigasi, projek sewaan kanopi dan katering, projek ternakan ikan air tawar dan mini market. Pelaksanaan PDL telah membuka banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk kampung terlibat.

Dalam tempoh RMKe-11, KKLW bercadang meneruskan pelaksanaan program ini untuk menambah lebih banyak bilangan kampung supaya lebih ramai masyarakat

kampung yang mendapat manfaat selaras menjadikan kawasan desa yang maju, menarik dan menguntungkan. Namun begitu bilangan kampung yang akan dimajukan adalah tertakluk kepada peruntukan yang akan diluluskan oleh pihak Agensi Pusat.